

PANDUAN PERANAN PARA IBU BAPA DALAM PENDIDIKAN TEODISI ISLAM: BEBERAPA PEDOMAN DARIPADA *FAWĀ'ID AL-BALWĀ WA AL-* *MİHAN* OLEH *AL-'IZZ İBN 'ABD AL-SALAM* (577- 660H)

*A Guide on Parental Roles in the Islamic Theodicy
Education: Some Lessons from Fawā'id Al-Balwā Wa Al-
Mihān by Al-'Izz Ibn 'Abd Al-Salām (577-660H)*

Wan Mohd Fazrul Azdi Wan Razali*

ABSTRACT

*Parents have significant roles and responsibilities for their families. One of these roles and responsibilities is to teach their family members the concept of Islamic theodicy. In the Islamic akidah, Muslims trained that this world is not for the enjoyment of worldly pleasures but a place for Godly trials. These trials come in various shapes and forms towards realizing the Islamic theodicy. The word 'theodicy' literally means the justice of God. Correctly understanding and realizing Islamic theodicy is fundamental in ensuring one's spiritual and mental health and well-being. The absence of understanding of this critical concept could cause a Muslim to be confused in facing life trials, especially in upholding one's faith in believing the Qadā' and Qadar, altogether in deducing God's wisdom from the calamities faced. In the classical treatise *Fawā'id Al-Balwā Wa Al-Mihān* by Al-'Izz 'Abd al-'Azīz Ibn 'Abd al-Salām, he listed seventeen benefits of life trials to the firm believers of God. These*

* Senior Lecturer, Akidah and Religion Studies Programme, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), 71800, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia. wmfazrul@usim.edu.my.

benefits are proofs from the Quranic verses, prophetic traditions, prophetic history, previous prophet's histories, history of the companions, and Arabic poems. This article systematizes and describes the roles and responsibilities of the parent in educating Islamic theodicy through lessons found in Fawā'id Al-Balwā Wa Al-Mihān.

Keywords: Parent; Theodicy; Islamic Akidah; *Fawā'id al-Balwā wa al-Mihān*; Al-'Izz 'Abd al-'Azīz Ibn 'Abd al-Salām.

PENDAHULUAN

Sebuah masyarakat yang baik mestalah terdiri daripada ramai individu yang baik. Pembentukan individu yang baik pula mestalah bermula daripada pendidikan dan asuhan keibubapaan yang lengkap serta seimbang untuk kesejahteraan hidup di dunia dan di akhirat. Ibn Qayyim Al-Jawziyyah (691-751H/1292-1350M) telah menegaskan dalam kitabnya yang bertajuk *Tuhfah al-Mawdūd bi Ahkām al-Mawlūd*¹, yang maksudnya: “maka barang siapa yang melalaikan pendidikan yang berguna kepada anaknya dan meninggalkannya secara sengaja, maka dia telah melakukan sesuatu yang sangat buruk. Sesungguhnya ramai anak itu kejahanan mereka berpunca kerana kelalaian bapa-bapa mereka dan kerana meninggalkan pendidikan anak-anak tentang perkara yang fardu dan sunat dalam agama.”

Oleh itu, termasuk dalam peranan penting ibu bapa adalah untuk mendidik keluarga dan tidak mengabaikan aspek yang sangat penting ini. Aspek pendidikan inilah yang menjadi antara perincian utama dalam tafsiran para ulama kepada maksud perintah ‘peliharalah diri kamu dan keluarga kamu’ dalam al-Quran seperti berikut:

¹ Al-Jawziyyah, Ibn Qayyim, *Tuhfah al-Mawdūd bi Ahkām al-Mawlūd*, ed. 'Abd Al-Qādir Al-Arnā'ūt (Damsyik: Maktabah Dār Al-Bayān, 1971), 155.

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا فُوَّا أَنْفُسَكُمْ وَأَهْلِيْكُمْ نَارًا وَفُوَّدُهَا أَنْسَانٌ وَالْجَبَارَةُ
عَلَيْهَا مَلَائِكَةٌ غِلَاظٌ شَدَادٌ لَا يَعْصُوْنَ اللَّهَ مَا أَمْرَهُمْ وَيَقْعُلُونَ مَا
يُؤْمِرُونَ

Maksudnya: *Wahai orang-orang yang beriman! Peliharalah diri kamu dan keluarga kamu dari neraka yang bahan-bahan bakarannya: manusia dan batu (berhala); neraka itu dijaga dan dikawal oleh malaikat-malaikat yang keras kasar (layanannya); mereka tidak menderhaka kepada Allah dalam segala yang diperintahkan-Nya kepada mereka, dan mereka pula tetap melakukan segala yang diperintahkan.*²

Dalam *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn* (1431H) oleh Abū Ḥāmid al-Ghazālī (450-505H),³ *al-Tafsīr al-Kabīr* (2001) oleh Fakhr al-Dīn al-Rāzī (543-606H),⁴ dan *Tafsīr al-Qur'ān al-Adhīm* (2000) oleh Ibn Kathīr (701-774H)⁵ dinyatakan bahawa maksud memelihara diri dan ahli keluarga daripada seksa api neraka ini dengan huraiān *addibūhum wa 'allimūhum*, iaitu ajarkan mereka dengan adab dan ilmu pengetahuan. Ketinggian balaghah al-Quran ini sangat sempurna dengan meletakkan pemeliharaan diri dan ahli keluarga daripada ancaman api neraka sebagai satu motivasi utama dalam ikhtiar menasihati, memberikan *irshād* petunjuk, melakukan amar makruf dan nahi munkar.

Artikel ini menghuraikan peranan para ibu bapa dalam pendidikan teodisi Islam kepada ahli keluarganya berdasarkan panduan daripada kitab *Fawā'id al-Balwā wa al-Mīḥān*⁶ oleh Al-'Izz 'Abd al-

² Surah *al-Taḥrīm*, 66: 6.

³ Al-Ghazālī, Abū Ḥāmid, *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn* (Beirut: Dār al-Ma'rifah, 1431H), :3 72.

⁴ Al-Rāzī, Fakhr al-Dīn, *al-Tafsīr al-Kabīr* (Beirut: Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabī, 2001), 30: 572-573.

⁵ Ibn Kathīr, *Tafsīr al-Qur'ān al-'Azīm* (t.t.p.: Dār Tayyibah, 1999), 8: 166-168.

⁶ Al-Sulamī, al-'Izz 'Abd al-'Azīz Ibn 'Abd al-Salām, *Kitāb al-Fitan wa al-Mīḥān wa al-Balāyā wa al-Razāyā aw Fawā'id al-Balwā wa al-Mīḥān*, ed. Iyād Khālid al-Tabbā' (Damsyik: Dār al-Fikr, 2016), 13-24. Terjemahan Bahasa Melayu bagi kitab ini boleh dirujuk di: Wan Mohd Fazrul Azdi bin Wan Razali, "Pendidikan Teodisi Islam

‘Azīz Ibn ‘Abd al-Salām (577-660H / 1181-1262M). Terdapat tujuh belas faedah daripada ujian dan musibah ke atas orang-orang yang beriman. Faedah-faedah yang disenaraikan ini telah disertakan dengan *shawāhid* atau justifikasi-justifikasi daripada ayat-ayat al-Quran, hadis-hadis Rasulullah SAW, sirah nabi SAW, sejarah para Nabi as, athār sahabat dan syair Arab. Faedah-faedah inilah yang dapat digarap dan digunakan oleh para ibu bapa dalam menumbuhkan benih iman yang baik sebagai petunjuk dalam pendidikan teodisi Islam.

PERANAN IBU BAPA DALAM PENDIDIKAN KELUARGA

Ibu bapa Muslim yang baik tidak akan melalaikan tanggungjawab untuk mengajarkan anak-anak maksud kehidupan yang sebenar berserta cara-cara yang betul dalam menjalaninya. Kesemua ini bergantung kepada kesedaran para ibu bapa tentang tanggungjawabnya terhadap keluarga dan kefahamannya tentang tujuan amalan didikan ibu bapa Islam. Muhammad Abdul Rauf (1917-2003) menghuraikan tujuan utama berkahwin dan menjadi bapa atau ibu kepada anak-anak ialah untuk memenuhi hasrat hatinya dan menunaikan perintah Allah SWT. Anak dalam keluarga bukanlah untuk dijadikan penyejuk mata dan penenang jiwa sahaja, tetapi untuk mendapat keredaan Allah SWT dengan menunaikan perintah-Nya serta memberikan sumbangan yang bermakna kepada masyarakat.⁷

Dalam sebuah buku pendidikan anak-anak karangan Abdullah Nasih Ulwan bertajuk *Tarbiyyah al-Awlād Fī al-Islām* (1992) atau *Pedoman Pendidikan Anak-anak dalam Islam* (1996), beliau menggagaskan dua kaedah utama amalan didikan anak-anak Islam iaitu kaedah ikatan (*al-Rabī*) dan kaedah tegahan (*al-Tahdhīr*). Penamaan kedua-dua kaedah ini bersesuaian dengan prinsip utama ajaran Islam iaitu ‘mengajak kepada yang makruf dan menegah daripada yang munkar’ (*Al-Amr bi al-Ma’rūf wa al-Nahy ‘An al-Munkar*). Apa yang

Menerusi Kitab *Fawā’id Al-Balwa Wa Al-Mihan* oleh Al-‘Izz Ibn ‘Abd Al-Salam (577-660H),” dalam *Islam & Peranannya dalam Pembangunan Dinamik Masyarakat Menangani COVID-19 Di Malaysia*, ed. Norhayati Rafida Abdul Rahim (Nilai: Penerbit USIM, 2021), 131-157.

⁷ Muhammad Abdul Rauf, *Wanita dan Keluarga Dari Pandangan Islam*, terj. Mahani Che Ibrahim (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1997), 92-93.

jelas, kaedah ikatan ini berkait rapat dengan ‘mengajak kepada yang makruf’ dan kaedah tegahan pula sesuai dengan ‘menegah daripada yang munkar.’

Melalui bukunya ini, Abdullah Nasih Ulwan telah memfokuskan kepada lima ikatan utama dalam pendidikan anak-anak iaitu akidah, kerohanian, pemikiran, sosial dan kecergasan jasmani. Artikel ini mendapati bahawa Abdullah Nasih Ulwan telah memisahkan aspek akidah daripada kerohanian sebagai dua aspek yang berasingan. Beliau juga memasukkan unsur-unsur mental, emosi dan psikologi di bawah aspek sosial melalui penjelasan yang panjang tentang percampuran dengan guru-guru *murshid* (dapat memberikan petunjuk yang benar), pergaularan dengan kawan-kawan sebaya di rumah, masjid, sekolah, tempat kerja dan lain-lain lagi.⁸

Manakala dalam rujukan yang lain iaitu buku yang bertajuk *Manhaj Al-Tarbiyyah Al-Nabawiyyah Li Al-Tīfl* atau *Metodologi Pendidikan Anak Menurut Pedoman Nabi SAW* yang ditulis oleh Muhammad Nür Ibn 'Abd al-Hāfiẓ Suwayd pula menggunakan konsep *Al-Binā'* (pembinaan). Bagi beliau, terdapat lapan aspek pembinaan dan satu aspek latihan yang utama untuk anak-anak. Lapan aspek ini ialah: *Al-Binā' Al-'Aqadī* (Pembinaan Akidah), *Al-Binā' Al-Ibādī* (Pembinaan Ibadat), *Al-Binā' Al-Ijtīmā'i* (Pembinaan Sosial), *Al-Binā' Al-Akhlaqī* (Pembinaan Akhlak), *Al-Binā' Al-'Ātīfī Wa Al-Nafṣī* (Pembinaan Emosi dan Perasaan), *Al-Binā' Al-Jismī* (Pembinaan Fizikal), *Al-Binā' Al-'Ilmī Wa Al-Fikrī* (Pembinaan Intelek dan Pemikiran), *Al-Binā' Al-Šīħħī* (Pembinaan Kesihatan).⁹

Secara ringkas, jika diteliti dalam korpus ilmu pendidikan keibubapaan atau pendidikan anak-anak dalam Islam, agama Rabbani ini mengajarkan perkembangan dan pembangunan aspek yang menyeluruh

⁸ 'Abdullāh Nāsiḥ 'Ulwān, *Tarbiyyah Al-Awlād Fī Al-Islām* (Kaherah: Dār al-Salām, 1992), 1: 149-156; Abdullah Nasih Ulwan, *Pedoman Pendidikan Anak-anak dalam Islam* (Kuala Lumpur: Victory Agencie, 1999), 143-151.

⁹ Muhammad Nür Ibn 'Abd Al-Hāfiẓ Suwayd, *Manhaj Al-Tarbiyyah Al-Nabawiyyah Li Al-Tīfl: Ma'a Numāzij Taṭbīqiyah Min Ḥayāh Al-Salaf Al-Šāliḥ Wa Aqwāl Al-'Ulamā' Al-'Āmilīn* (Damsyik: Dār Ibn Kathīr, 1999), 202-409.

bagi setiap insan. Agama Islam tidak hanya menekankan kebahagiaan akhirat bagi seseorang insan, malah turut menyentuh aspek pembangunan diri bagi kebahagiaan hidup di dunia. Oleh itu, terdapat peranan dan tanggungjawab besar yang sewajibnya ditunaikan oleh para ibu bapa dalam membimbing keluarganya.

Jika diteliti dalam sunnah dan sirah Nabi SAW, perhatian yang besar telah diberikan oleh Baginda SAW terhadap pelajaran al-Quran yang membawa kepada keteguhan dalam semua aspek kehidupan keluarga, termasuklah dalam aspek akidah.¹⁰ Pelajaran akidah mestilah dididik agar meresap, berurat dan berakar sejak anak masih kecil lagi dan ditumbuhkan sepanjang masa supaya dapat menghadapi segala keadaan dan ujian dengan kepercayaan serta kefahaman akidah yang benar. Ini termasuklah dalam aspek pendidikan teodisi Islam, iaitu dalam mendepani segala isu dan perkara yang mencabar jiwa seperti kegagalan, kesedihan, kesusahan, kesakitan, kemarahan, dan perubahan dalam kehidupan.

Umat Islam memerlukan ijihad dan penambahbaikan yang lebih holistik dalam aspek pendidikan bagi memperkasakan jiwa, minda, hati dan jasmani umat Islam dalam mendepani segala fitnah dan bala seperti yang telah dinyatakan. Pendidikan yang hanya menyentuh aspek kecerdikan, kecerdasan, kecergasan, kejayaan,kekayaan, kemewahan, dan kenikmatan sahaja adalah tidak mencukupi. Aspek tambahan seperti pengurusan kegagalan (*failure management*), menghadapi kesedihan (*coping with sadness*), pengurusan risiko (*risk management*), mengubati kesakitan (*remedyng sickness*), pengurusan kemarahan (*anger management*), dan kepimpinan perubahan (*change leadership*) turut perlu dikuasai dalam menyeimbangkan pencapaian serta keadaan umat ini. Inilah mauduk dan skop yang ditekankan dalam pendidikan teodisi menerusi tanwir *al-Īmān bi al-Qadā' wa al-Qadar* seperti yang telah dijelaskan oleh Rasulullah SAW dan para ulama rhm.

¹⁰ Al-Mālikī, Muhammad ‘Alawī, *Muhammad Ṣallā Allāhu ‘Alayhi Wa Sallam al-Insān al-Kāmil* (Beirut: al-Maktabah al-‘Aṣriyyah, 2007), 218-219; Al-Maliki, Muhammad Alawy, *Insan Kamil (Muhammad S.A.W.)* (Kuala Lumpur: Victory Agencie, 2020), 399-402.

PENDIDIKAN TEODISI ISLAM DALAM PENGUKUHAN KEIMANAN KEPADA QADAK DAN QADAR

Teodisi, *al-'Adl al-Ilāhī* atau keadilan Tuhan adalah salah satu topik utama yang dibincangkan dalam ilmu falsafah metafizik. Perkataan '*theodicy*' adalah berasal daripada perkataan Yunani, di mana '*theo*' bermaksud tuhan dan '*dicy*' bermaksud keadilan. Ramai pengikut agama, bukan setakat dalam kalangan Muslim, yang menghadapi masalah dan kekeliruan dalam memahami rasional atau hikmah manusia diuji dengan pelbagai cabaran hidup. Permasalahan atau kekeliruan ini adalah berpuncanya daripada pengetahuan seseorang itu dalam meneliti perbahasan teodisi.¹¹ Kegagalan menjawab persoalan-persoalan teodisi dengan betul adalah sangat berbahaya. Ramai yang menjadi ateis atau liberal dalam pegangan agama mereka kerana tersalah memahami isu qadak dan qadar dalam disiplin Akidah Islam, serta persoalan kekuasaan mutlak Allah SWT ke atas semua makhluk.¹²

Oleh itu, persoalan teodisi ini hakikatnya merupakan perbahasan yang penting dalam ilmu Akidah Islam, atau spesifiknya, dalam tajuk kepercayaan kepada konsep qadak dan qadar Allah SWT. Berbanding pemikir Barat yang membahaskan persoalan teodisi ini dalam bidang falsafah, ramai ulama Islam telah menghuraikan persoalan teodisi ini dalam disiplin ilmu Akidah Islam dan ilmu Tasawwuf.¹³ Perbahasan para

¹¹ Ormsby, Eric, *Theodicy in Islamic Thought: The Dispute over Al Ghazali's Best of All Possible Worlds* (Princeton: Princeton University Press, 1984), 3-31; Muhsin Akbas, "The Problem of Evil and Theodicy in Jewish, Christian, and Islamic Thought" (Tesis Doktor Falsafah. University of Wales, Lampeter, 1999), 1-15; Tubanur Yesilhark Ozkan, *A Muslim Response to Evil: Said Nursi on the Theodicy* (London and New York: Routledge, 2015), 1-5.

¹² Hoover, Jon, *Ibn Taymiyya's Theodicy of Perpetual Optimism* (Leiden: Brill, 2007), 211-228; Nasrin Rouzati, *Trial and Tribulation in the Qur'an: A Mystical Theodicy* (Berlin: Gerlach Press, 2015), 134-158; Parrott, Justin, *When Our Worlds Are Shaken: Finding Strength in 'Beautiful Patience'* (Texas: Yaqeen Institute for Islamic Research, 2020), 3-15.

¹³ Al-Ghazālī, Abū Ḥāmid, *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn* (Beirut: Dār al-Ma'rifah, 1431H), 1: 89-125; Al-Quḍāh, Nūh 'Alī Salmān, *Al-Mukhtaṣar al-Mufid Sharḥ Jawharah al-Tawḥīd* (Amman: Dār al-Rāzī, 1999), 216-220; Al-Qudha, Nuh Ali Salman, *Al-Mukhtasar al-Mufid Fi Syarh Jauharah al-Tauhid* (Ringkasan Berfaedah dalam

ulama mengenai teodisi ini juga dibuat bukan sekadar untuk mengukuhkan kefahaman, seperti dalam bidang metafizik Barat, malah lebih utama lagi untuk mengukuhkan keimanan dan pergantungan para hamba kepada Allah SWT.

Dalam akidah Islam, dunia bukanlah tempat untuk menikmati kehidupan semata-mata. Dunia juga adalah tempat ujian dan menerima pelbagai cubaan. Ujian dan cubaan ini pula datang dalam pelbagai bentuk dan rupa. Cubaan dan ujian ini boleh datang kepada manusia dalam rupa nikmat kesenangan dan kebahagiaan. Begitu jugalah, Allah SWT boleh datangkan dalam rupa kesusahan dan kesakitan sebagaimana firman-Nya:

اَمْ ، اَحَسِبَ الْنَّاسُ اَنَّ يُتْكَوُ اَنْ يَقُولُوا اَنَّهُمْ اَمْنَى وَهُمْ لَا يُفْتَنُونَ ، وَلَقَدْ فَتَنَاهُ اللَّهُ الَّذِينَ صَدَقُوا وَلَيَعْلَمَنَّ الْكَذَّابِينَ

٣

Maksudnya: “*Alif Laam Mim. Patutkah manusia menyangka bahawa mereka akan dibiarkan dengan hanya berkata: "Kami beriman", sedang mereka tidak diuji (dengan sesuatu cubaan)? Dan demi sesungguhnya! Kami telah menguji orang-orang yang terdahulu daripada mereka, maka (dengan ujian yang demikian), nyata apa yang diketahui Allah tentang orang-orang yang sebenar-benarnya beriman, dan nyata pula apa yang diketahuiNya tentang orang-orang yang berdusta.*”¹⁴

Menghuraikan Permata Tauhid) (Kuantan: Sohabah Setia Enterprise, 2014), 260-271; Al-Qushayrī, Abū al-Qāsim, *Al-Risālah al-Qushayriyyah* (Kaherah: Dār al-Ma’ārif, t.th.), 298-310, Al-Sarrāj al-Tūsī, Abū Naṣr, *Al-Luma'* (Kaherah: Dār al-Kutub al-Ḥadīthah, 1960), 79-78, Al-Kalābādhī, Abū Bakr, *Al-Ta‘arruf Li Madhhab Ahl al-Taṣawwuf* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1993), 118-120, Al-Bayjūrī, Ibrāhīm, *Tuhfah al-Murīd Sharḥ Jawharah al-Tawḥīd* (Cairo: Dār al-Salām, 2002), 312-316, Al-Laqqānī, Ibrāhīm, *Hidāyah al-Murīd Li Jawharah al-Tawḥīd* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2012), 394-398.

¹⁴ Surah *al-Ankabūt*, 29: 2-3.

Dalam menghadapi segala ujian dan cubaan dalam kehidupan ini, seseorang itu selalunya tercabar dalam konteks memahami qadak dan qadar, atau lebih spesifik lagi dalam persoalan teodisi. Ujian yang besar dan menduga keimanan seseorang itu boleh melemahkan akidah seseorang dalam memahami segala logik dan hikmah di sebalik segala yang berlaku. Keadaan lemah akidah akan berlaku apabila seseorang itu mula bergantung kepada akal dan emosi semata-mata, menurut pandangan masyarakat sekeliling, mengikuti hawa nafsu dan mula melupakan kedudukannya sebagai hamba Allah SWT yang tertakluk kepada segala perintah serta ketetapan Allah SWT. Dalam sebuah hadis sahih, riwayat Tirmidhi:

عَنْ أَبِي عَبَّاسٍ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَبَّاسٍ رضيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ: كُنْتُ حَلْفَ النَّبِيِّ يَوْمًا فَقَالَ: يَا عُلَامَ إِنِّي أَعْلَمُكَ كَلِمَاتٍ : احْفَظِ اللَّهَ يَحْفَظُكَ، احْفَظِ اللَّهَ تَجِدُهُ بُخَاهَكَ، إِذَا سَأَلْتَ فَاسْأَلِ اللَّهَ، وَإِذَا اسْتَعْنَتْ فَاسْتَعِنْ بِاللَّهِ، وَاعْلَمْ أَنَّ الْأُمَّةَ لَوْ اجْتَمَعَتْ عَلَى أَنْ يَنْفَعُوكَ بِشَيْءٍ لَمْ يَنْفَعُوكَ إِلَّا بِشَيْءٍ قَدْ كَتَبَهُ اللَّهُ لَكَ، وَإِنْ اجْتَمَعُوا عَلَى أَنْ يَضُرُوكَ بِشَيْءٍ لَمْ يَضُرُوكَ إِلَّا بِشَيْءٍ قَدْ كَتَبَهُ اللَّهُ عَلَيْكَ، رُفِعَتِ الْأَقْلَامُ، وَجَفَّتِ الصُّحْفُ.

Maksudnya: "Daripada Ibn Abbas RA, beliau berkata: "Pada suatu hari saya berada di belakang nabi SAW, maka beliau bersabda: Wahai anak muda, saya akan mengajarkan kepada mu empat perkara: Jagalah Allah, nescaya Dia akan menjaga mu. Jagalah Allah nescaya Dia akan selalu berada di hadapan mu (berada dekat mu untuk melindungimu). Jika kamu meminta, mintalah kepada Allah. Jika kamu memohon pertolongan, mohonlah pertolongan kepada Allah. Ketahuilah sesungguhnya jika suatu umat berkumpul untuk mendatangkan manfaat kepada mu atas sesuatu, mereka tidak akan dapat memberikan

manfaat sedikit pun kecuali apa yang telah Allah tetapkan bagi mu, dan jika mereka berkumpul untuk mencelakakan mu atas sesuatu, nescaya mereka tidak akan mencelakakan mu kecuali kecelakaan yang telah Allah tetapkan bagi mu. Pena (yang menulis takdir) telah diangkat dan lembaran (suhuf tulisan takdir) telah kering.”¹⁵

Hadis yang sangat tuntas dan lengkap ini menghuraikan pedoman Nabi SAW dalam mendepani isu berkaitan teodisi dan keimanan kepada qadak dan qadar. Rasulullah SAW mengajarkan bahawa Allah SWT telah menetapkan segala ketentuan dan keputusan berkaitan takdir manusia. Tiada kebaikan dan keburukan yang boleh menimpa seseorang melainkan apa yang telah Allah SWT tetapkan. Oleh itu, menjadi tanggungjawab setiap Muslim dalam ikhtiar kehidupannya untuk sentiasa kembali kepada Allah SWT bagi memohon penjagaan dan pertolongan.

Pedoman Nabi SAW ini juga sangat selari dengan petunjuk firman Allah SWT seperti berikut:

وَلَنْبُلُونَّكُم بِشَيْءٍ مِّنْ الْحَوْفِ وَالْجُوعِ وَنَفْصٍ مِّنْ الْأَمْوَالِ وَالْأَنْفُسِ

وَالنَّمَرُثٌ وَبَشِّرِ الْصَّابِرِينَ ١٥٥ إِذَا أَصْبَتْهُمْ مُّصِيبَةً قَالُواْ إِنَّا لِلَّهِ

وَإِنَّا إِلَيْهِ رَجُعُونَ ١٥٦ أُولَئِكَ عَلَيْهِمْ صَلَوةٌ مِّنْ رَّحْمَةٍ وَرَحْمَةٌ وَأُولَئِكَ

هُمُ الْمُهَتَّدُونَ ١٥٧

Maksudnya: “Demi sesungguhnya! Kami akan menguji kamu dengan sedikit perasaan takut (kepada musuh) dan (dengan merasai) kelaparan, dan (dengan berlakunya) kekurangan dari harta benda dan jiwa serta hasil tanaman. Dan berilah khabar gembira kepada orang-orang yang sabar: (Iaitu) orang-orang

¹⁵ Al-Tirmidhī, Abū ‘Isā Muḥammad Ibn ‘Isā, *Al-Jāmi’ al-Kabīr* (*Sunan al-Tirmidhī*) (Beirut: Dār al-Gharb al-Islāmī, 1996), hadith no. 2516, 4:284.

*yang apabila mereka ditimpak oleh sesuatu kesusahan, mereka berkata: "Sesungguhnya kami adalah kepunyaan Allah dan kepada Allah jualah kami kembali." Mereka itu ialah orang-orang yang dilimpahi dengan berbagai-bagai kebaikan dari Tuhan mereka serta rahmat-Nya; dan mereka itulah orang-orang yang dapat petunjuk hidayah-Nya.*¹⁶

Petunjuk firman Allah SWT di atas dan beberapa petunjuk lain berkenaan aspek pendidikan teodisi Islam ini telah disentuh oleh *Sultān al-'Ulamā' 'Izz al-Dīn Ibn 'Abd al-Salām* dalam karya beliau bertajuk *Fawā'id Al-Balwā Wa Al-Mīḥān*. Artikel ini akan menghuraikan berkenaan peranan dan tanggungjawab ibu bapa dalam pendidikan teodisi Islam menerusi petunjuk-petunjuk yang telah disusun dalam tujuh belas faedah ujian dan dugaan ke atas orang-orang yang beriman.

AL-'IZZ 'ABD AL-'AZĪZ IBN 'ABD AL-SALĀM DAN KITAB *FAWĀ'ID AL-BALWĀ WA AL-MIḤĀN*: SUATU PENGENALAN RINGKAS

Nama penuh Al-'Izz Ibn 'Abd al-Salām adalah 'Abd al-'Azīz Ibn 'Abd al-Salām Ibn Abī al-Qāsim Ibn Ḥasan. Beliau dilahirkan di Damsyik pada tahun 577H dan meninggal dunia pada 660H, ketika berumur lapan puluh tiga tahun. Beliau turut diberikan gelaran *al-'Izz* atau *'Izz al-Dīn* yang bermaksud keagungan agama kerana peranan dan sumbangan beliau yang besar dalam memelihara keagungan Islam. Beliau juga mendapat gelaran-gelaran lain seperti *Sultān al-'Ulamā'* (sultan semua ulama), *Shaykh al-Islām* (ketua ulama Islam), dan *Qādī al-Quḍāh* (ketua semua kadi). Beliau membesar dan mendapat pendidikan awalnya di Damsyik dengan mempelajari pelbagai ilmu seperti akidah, syariah, tasawuf, akhlak, al-Quran, al-Hadis, usul fiqh, Bahasa Arab, dan banyak lagi. Beliau banyak menghabiskan umurnya dalam bidang keilmuan, pengajaran, penulisan, dan fatwa¹⁷.

¹⁶ Surah *al-Baqarah* 2: 155 – 157.

¹⁷ Al-Subkī, Tāj al-Dīn 'Abd al-Wahhāb Ibn 'Aliyy, *Tabaqāt al-Shāfi'iyyah al-Kubrā* (Giza: Hajar Li al-Tibā'ah wa al-Nashr wa al-Tawzī', 1413H), 8: 209-255, Ibn Kathīr,

Dari sudut keilmuan pula, Al-'Izz Ibn 'Abd al-Salām pernah berguru dengan ramai ulama besar seperti al-Qāsim Ibn 'Asākir (m. 600H), Fakhr al-Dīn Ibn 'Asākir (m. 620H), Jamāl al-Dīn al-Harastānī (m. 614H), dan Sayf al-Dīn al-Āmidī. Al-'Izz Ibn 'Abd al-Salām hidup dalam era perkembangan pelbagai pusat pengajian dan keilmuan Islam pada kurun ke-6 dan ke-7 Hijrah. Terdapat ramai tokoh besar dan berpengaruh yang hidup sezaman dengan beliau. Antaranya adalah Fakhr al-Dīn al-Rāzī (m. 606H), Ibn Qudāmah (m. 620H), al-Suhrawardī (m. 632H), Muhyī al-Dīn Ibn 'Arabī (m. 638H), Muhyī al-Dīn al-Nawawī (m. 676H) dan al-Bayḍāwī *al-Uṣūlī al-Mufassir* (m. 685H).¹⁸

Beliau juga banyak menulis dan meninggalkan banyak rujukan penting dalam pelbagai bidang pengajian Islam. Antara rujukan ini adalah seperti:

- i. *Tafsīr al-Qur'ān* dalam bidang tafsir,
- ii. *Al-Fawā'id Fī Mushkil al-Qur'ān* dan
- iii. *Majāz al-Qur'ān* dalam bidang 'ulūm al-Quran,
- iv. *Mukhtaṣar Ṣahīh Muslim* dalam bidang hadis,
- v. *Al-'Aqā'id*,
- vi. *Sharḥ al-Asmā' al-Husnā*,
- vii. *Bidāyah al-Sūl Fī Tafḍīl al-Rasūl* dan
- viii. *Al-Farq bayna al-Imān wa al-Islām* dalam bidang akidah,
- ix. *Qawā'id al-Ahkām Li Maṣālih al-Anām* dan

Tabaqāt al-Fuqahā' al-Shāfi'iyyīn, ed. Anwār al-Bāz (Mansoura: Dār al-Wafā', 2004), 2: 322-324, Al-Zuhailī, Muhammad, *al-'Izz Ibn 'Abd al-Salām: Sulṭān al-'Ulamā' Wa Bā'i' al-Mulūk*, *al-Dā'iyyah*, *al-Muṣlih*, *al-Qādiyy*, *al-Faqīh*, *al-Uṣūlī*, *al-Mufassir* (Damsyik: Dār al-Fikr, 1992), 45-39.

¹⁸ Al-Subkī, Tāj al-Dīn 'Abd al-Wahhāb Ibn 'Aliyy, *Tabaqāt al-Shāfi'iyyah al-Kubrā*, 8: 209-255, Ibn Kathīr, *Tabaqāt al-Fuqahā' al-Shāfi'iyyīn*, 2: 322-324.

x. *Al-Qawā'id al-Sughrā* dalam bidang usul fiqh¹⁹.

Kitab *Fawā'id Al-Balwā Wa Al-Mīhan* (maksudnya: faedah-faedah ujian dan dugaan) adalah sebuah kitab yang ringkas dan pendek karangan Al-'Izz 'Abd al-'Azīz Ibn 'Abd al-Salām. Kitab ini juga dikenali dengan nama lain iaitu *Kitāb al-Fitan wa al-Mīhan wa al-Balāyā wa al-Razāyā* (maksudnya: kitab berkenaan fitnah-fitnah, ujian-ujian, dugaan-dugaan, dan cubaan-cubaan).

Terdapat tujuh belas faedah daripada ujian dan dugaan ke atas orang-orang yang beriman menurut Al-'Izz 'Abd al-'Azīz Ibn 'Abd al-Salām dalam kitab *Fawā'id Al-Balwā Wa Al-Mīhan* ini.²⁰ Faedah-faedah ini adalah seperti berikut:

- i. Mengenali keagungan Allah taala
- ii. Mengenali nilai kehambaan manusia kepada Allah taala
- iii. Mengikhlaskan diri kepada Allah taala sebagai Maha Pelindung
- iv. Kembali kepada Allah taala
- v. Merendahkan diri dan berdoa kepada-Nya
- vi. Bersabar dengan punca dan pembuat musibah (kalangan makhluk)

¹⁹ Al-Subkī, Tāj al-Dīn 'Abd al-Wahhāb Ibn 'Aliyy, *Tabaqāt al-Shāfi'iyyah al-Kubrā*, 8: 209-255; Al-Zuhailī, Muhammad, *al-'Izz Ibn 'Abd al-Salām: Sulṭān al-'Ulamā' Wa Bā'i 'al-Mulūk, al-Dā'iyyah, al-Muṣlih, al-Qādiyy, al-Faqīh, al-Uṣūlī, al-Mufassir*, 135-149.

²⁰ Al-Sulamī, al-'Izz 'Abd al-'Azīz Ibn 'Abd al-Salām, *Kitāb al-Fitan wa al-Mīhan wa al-Balāyā wa al-Razāyā aw Fawā'id al-Balwā wa al-Mīhan*, ed. Iyād Khālid al-Tabbā' (Damsyik: Dār al-Fikr, 2016), 13-24. Rujuk juga Wan Mohd Fazrul Azdi bin Wan Razali, "Pendidikan Teodisi Islam Menerusi Kitab *Fawā'id Al-Balwā Wa Al-Mīhan* oleh Al-'Izz Ibn 'Abd Al-Salam (577-660H)," dalam *Islam & Peranannya dalam Pembangunan Dinamik Masyarakat Menangani COVID-19 Di Malaysia*, ed. Norhayati Rafida Abdul Rahim (Nilai: Penerbit USIM, 2021), 131-157.

- vii. Memaaafkan orang yang mengakibatkan musibah (kalangan makhluk)
- viii. Bersabar dalam menghadapi musibah
- ix. Bergembira dengan faedah-faedah yang boleh diperoleh daripada musibah
- x. Bersyukur atas bala (yang menimpa) kerana faedah-faedah kebaikannya
- xi. Menyucikan diri daripada dosa-dosa yang pernah dibuat
- xii. Mendapat rahmat dan pertolongan atas kesusahan yang dialami
- xiii. Mengenali nilai sebenar nikmat kesenangan
- xiv. Mendapat pahala akhirat atas kesabaran
- xv. Mengetahui faedah-faedah yang tersembunyi daripada bala yang berlaku
- xvi. Menghalang diri daripada sifat jahat, bongkak (tidak bersyukur), sompong, bangga, besar diri, dan salah guna kuasa (despotisme)
- xvii. Merasa reda (dengan ketentuan Allah SWT) sehingga mewajibkan seseorang itu juga mendapat reda Allah taala

Berdasarkan faedah-faedah ujian kehidupan yang disusun oleh Al-'Izz 'Abd al-'Aziz Ibn 'Abd al-Salām, kitab ini amat sesuai untuk dijadikan rujukan para ibu bapa dalam pendidikan teodisi Islam keluarga. Lebih-lebih lagi, dalam menjelaskan signifikan dan hikmah kepada ahli keluarga di sebalik segala ujian dan musibah yang berlaku dalam kehidupan manusia. Penjelasan yang baik daripada ibu bapa akan dapat membantu dan meningkatkan kefahaman agama Islam ahli keluarga berkenaan segala isu atau keadaan yang berlaku dalam masyarakat.

BEBERAPA PETUNJUK PENDIDIKAN TEODISI ISLAM DARIPADA KITAB *FAWĀ'ID AL-BALWĀ WA AL-MIHĀN*

Seperti mana yang telah dijelaskan sebelum ini, terdapat tujuh belas faedah daripada ujian dan dugaan ke atas orang-orang yang beriman seperti yang telah disenaraikan oleh al-'Izz dalam Kitab *Fawā'id Al-Balwā Wa Al-Mīhan*. Kesemua tujuh belas faedah daripada ujian dan dugaan ke atas orang-orang yang beriman ini telah dianalisis dan dikodkan secara sistematis yang menghasilkan empat petunjuk utama pendidikan teodisi Islam seperti yang terdapat dalam naratif *riyādah al-Nafs* (latihan jiwa) dan *tahdhīb al-Akhlāq* (penyucian akhlak) bagi merawat gejala keresahan jiwa, kecelaruan fikiran, tekanan emosi, dan jenayah moral pada hari ini.²¹

Empat petunjuk utama untuk inilah yang sangat sesuai dijadikan panduan kepada para ibu bapa dalam pendidikan keluarga. Empat petunjuk utama pendidikan teodisi Islam ini adalah:

- i. Pertama, mendekatkan diri kepada Allah yang merangkumi faedah pertama sehingga kelima.
- ii. Kedua, menghasilkan sifat-sifat mulia seperti sabar, maaf, gembira, syukur dan reda yang terdapat pada faedah keenam, ketujuh, kelapan, kesembilan, kesepuluh dan ketujuh belas.
- iii. Ketiga, menghapuskan kejahatan seperti dosa dan sifat-sifat mazmumah yang terangkum pada faedah kesebelas dan keenam belas.
- iv. Akhir sekali, keempat, mendapat kebaikan iaitu rahmat, kenal nikmat senang, mendapat pahala akhirat, dan mengetahui hikmah

²¹ Al-Ghazālī, Abū Ḥāmid, *Iḥyā 'Ulūm al-Dīn* (Beirut: Dār al-Ma'rifah, 1431H), -3:48 79; Abdallah Rothman, Adrian Coyle, Toward a Framework for Islamic Psychology and Psychotherapy: An Islamic Model of the Soul. *Journal of Religion and Health* 57 (2018), 1731–1744; dan Abdallah Rothman, *Developing a Model of Islamic Psychology and Psychotherapy: Islamic Theology and Contemporary Understandings of Psychology* (New York: Routledge, 2021), 34-42.

tersembunyi di sebalik setiap ujian dan cubaan seperti yang terangkum dalam faedah kedua belas, ketiga belas, keempat belas dan kelima belas.

i. Petunjuk Pertama: Mendekatkan diri kepada Allah SWT

Petunjuk pendidikan teodisi Islam yang pertama ini merangkumi lima faedah berikut iaitu: mengenali keagungan *rubbūbiyyah* (ketuhanan) dan juga kekuasaan-Nya. Allah SWT mempunyai kuasa yang tidak terhad. Allah berkuasa mencipta, menjaga dan memerintah seluruh alam semesta tanpa apa jua pertolongan dari makhluk-Nya. Seterusnya adalah faedah kedua, iaitu mengenali kerendahan ‘ubūdiyyah (perhambaan) dan kekalahan manusia (kepada kekuasaan Allah). Para hamba mengiktiraf (mengakui) bahawa mereka adalah milik-Nya dan hamba kepada-Nya, dan mereka juga akan kembali kepada hukum-Nya dan pentadbiran-Nya, ketetapan dan takdir-Nya. Ini sesuai dengan hikmah yang keempat puluh dua oleh Ibn Ata’illah al-Sakandari seperti berikut:

أخرج من أوصاف بشريتك عن كل وصف منافق لعبوديتك

لتكون لنداء الحق مجيها ومن حضرته قريبا.

Maksudnya: “*keluarkanlah daripada sifat-sifat kemanusiaan mu (yakni yang jelik dan rendah) semua sifat yang menyalahi kehambaan mu (kepada Allah SWT), supaya mudah bagi mu menyahut panggilan Allah dan menjadi dekat kepada-Nya.*”²²

Tidak ada tempat bagi para hamba untuk melarikan diri daripada-Nya, dan tidak ada jalan keluar bagi para hamba daripada tertakluk dengan perintah dan kekuasaan-Nya. Faedah yang ketiga pula adalah mengikhlaskan diri kepada Allah SWT dalam segala keadaan dan menjadikan Allah SWT satu-satunya tempat bergantung harap bagi segala sesuatu. Kemudian, faedah keempat dan kelima juga termasuk di bawah petunjuk ini, iaitu kembali kepada Allah taala dan menerima-Nya (dengan sepenuh hati) serta merendahkan diri dan berdoa kepada-Nya.

²² H. Salim Bahreisy, *Terjemah Al-Hikam (Pendekatan Abdi pada Khaliq-Nya)* (Surabaya: Penerbit Balai Buku, 1980), 41-42.

ii. Petunjuk Kedua: Menghasilkan Sifat-sifat Mulia

Petunjuk pendidikan teodisi yang kedua pula adalah menghasilkan sifat-sifat mulia semasa menerima ujian daripada Allah SWT. Contohnya, sifat sabar dapat dilihat pada faedah keenam dan kelapan iaitu bersabar dengan punca dan pembuat musibah, serta bersabar ketika menghadapi kesusahan. Setiap orang mukmin perlu bersabar dengan segala ujian dan dugaan yang Allah SWT berikan. Sesungguhnya Allah SWT sangat menyukai hamba-hamba-Nya yang bersabar terutamanya ketika diberi musibah ataupun dugaan.

Selain itu, ujian dan dugaan juga menghasilkan sikap maaf yang termaktub dalam faedah ketujuh. Setiap hamba Allah perlu memaafkan orang yang mengakibatkan musibah supaya dia beroleh pahala yang berlipat ganda daripada yang Tuhan yang Maha Pemurah. Sifat kegembiraan juga dapat diperoleh apabila manusia tabah menghadapi musibah Allah SWT. Hal ini termaktub dalam faedah kesembilan, iaitu bergembira dengan musibah melalui faedah-faedah yang boleh diperoleh daripadanya. Sabda Nabi SAW:

وَالَّذِي نَفْسِي بِيْدِهِ إِنْ كَانُوا لَيَفْرَحُونَ بِالْبَلَاءِ كَمَا تَفْرَحُونَ بِالرَّحْمَةِ

Maksudnya: “Demi Allah yang jiwa ku berada dalam kekuasaan-Nya, sesungguhnya orang-orang yang beriman bergembira dengan bala (yang menimpa mereka) seperti mana mereka bergembira dengan kesenangan (yang mereka nikmati).”²³

Di sebalik segala ujian dan dugaan oleh Allah SWT, lahir sifat syukur atas segala nikmat yang Allah kurniakan kepada manusia selepasnya. Ini bersesuaian dengan faedah kesepuluh dalam kitab ini iaitu bersyukur atas bala (yang menimpa) kerana faedah-faedah yang dibawa (oleh bala ini). Ujian dan dugaan juga melahirkan sifat reda

²³ Ibn Mājah, Muhammad Ibn Yazīd. *Sunan al-Hāfiẓ Abī ‘Abdillāh Muḥammad Ibn Yazīd al-Qazwīnī Ibn Mājah* (t.t.: Maṭba‘ah Dār Ihyā’ al-Kutub al-‘Arabiyyah, t.t.), *Kitab al-Fitan*. no. hadith 4024, 2: 1334.

dalam diri setiap mukmin yang bertakwa. Hal ini dilihat melalui faedah atau kelebihan yang ketujuh belas iaitu merasa reda (dengan ketentuan Allah SWT) sehingga mewajibkan seseorang itu juga mendapat reda Allah taala. Manusia perlu reda atas segala musibah dan cubaan yang melanda dalam hidup mereka.

iii. Petunjuk Ketiga: Menghapuskan Kejahatan

Petunjuk ketiga pendidikan teodisi Islam daripada *Kitab al-Fitan* adalah menghapuskan kejahatan dalam diri manusia. Kejahatan membuatkan manusia bergelumang dengan dosa, sama ada dosa-dosa kecil ataupun dosa-dosa besar. Oleh itu, Allah hadirkan ujian dan musibah seperti banjir besar, pandemik, penyakit, kematian dan sebagainya kepada manusia sebagai salah satu cara untuk menghapuskan dosa-dosa manusia, berdasarkan faedah yang kesebelas di dalam kitab *Fitan* ini.

Musibah dan cubaan ke atas hidup manusia juga dapat menghalang daripada munculnya sifat jahat, bongkak (tidak bersyukur), sompong, bangga, besar diri, dan salah guna kuasa (despotisme). Lazimnya, mukmin yang bertakwa tidak akan kufur dengan nikmat yang Allah limpahkan kepadanya. Mukmin yang insaf seharusnya sentiasa merendah diri, tidak angkuh dan sompong di atas muka bumi Allah.

iv. Petunjuk Keempat: Mendapat Kebaikan

Berdasarkan faedah kedua belas, di sebalik setiap ujian dan musibah, Allah SWT anugerahkan kebaikan dan pertolongan kepada hamba-hamba-Nya. Kebaikan Allah ini tidak terjangkau oleh akal fikiran manusia. Musibah ditimpakan kepada manusia agar seseorang itu dapat mengenali betapa besarnya nilai nikmat kesenangan dan segera bersyukur di atas nikmat kesenangan.

Hakikatnya, ujian dan dugaan adalah bentuk interaksi Allah SWT terhadap para Mukmin untuk melihat sejauh mana tahap keimanan dan kesabaran mereka atas ujian-Nya. Bagi para sahabat, salaf al-salih dan alim ulama, ujian dan musibah itu umpama berita gembira yang memberi kelapangan kepada hati. Mereka melihat ujian musibah daripada

pandangan mata hati yang bersih sehingga musibah itu dilihat sebagai peluang untuk meraih pahala dan kedudukan di sisi Allah SWT.

Akhir sekali, terdapat di sebalik bala ujian ini faedah-faedah (atau hikmah) yang tersembunyi. Setiap kepayahan pasti diikuti dengan kemudahan seperti yang dinyatakan dalam firman Allah SWT:

فَإِنَّ مَعَ الْعُسْرِ يُسْرًا وَإِنَّ مَعَ الْيُسْرِ عُسْرًا ۖ

Maksudnya: "Oleh itu, maka (tetapkanlah kepercayaanmu) bahawa sesungguhnya tiap-tiap kesukaran disertai kemudahan. (Sekali lagi ditegaskan): bahawa sesungguhnya tiap-tiap kesukaran disertai kemudahan."²⁴

Tidak semestinya sesuatu yang baik bagi manusia itu baik bagi Allah. Tidak semestinya juga sesuatu yang buruk bagi manusia itu buruk bagi Allah. Boleh jadi sesuatu yang buruk bagi manusia itu, baik di sisi Allah SWT. Kesemua perkara ini termasuk dalam hikmah dan rahsia yang hanya diketahui oleh Allah SWT.

KESIMPULAN

Ringkasnya, artikel ini menghuraikan peranan para ibu bapa dalam pendidikan teodisi Islam kepada ahli keluarganya berdasarkan panduan daripada *kitab Fawā'id al-Balwā wa al-Miḥān* oleh Al-'Izz 'Abd al-'Azīz Ibn 'Abd al-Salām (577-660H / 1181-1262M). Terdapat empat petunjuk utama yang telah dihasilkan berdasarkan kaedah analisis kandungan ke atas tujuh belas faedah daripada ujian dan dugaan ke atas orang-orang yang beriman. Keempat-empat petunjuk utama ini adalah mendekatkan diri kepada Allah SWT, menghasilkan sifat-sifat mulia, menghapuskan kejahatan, dan mendapat kebaikan daripada Allah SWT.

Keempat-empat petunjuk utama ini adalah beberapa panduan penting yang boleh digunakan oleh para ibu bapa dalam menerapkan

²⁴ Surah al-Sharh, 94: 5-6.

kefahaman dan penghayatan teodisi Islam yang baik dalam keluarga. Malah empat petunjuk utama ini juga selari dengan apa yang terdapat dalam naratif *riyādah al-Nafs* (latihan jiwa) dan *tahdhīb al-Akhlāq* (penyucian akhlak) bagi merawat gejala keresahan jiwa, kecelaruan fikiran, tekanan emosi, dan jenayah moral pada hari ini. Dalam pandangan alam Islam, dunia bukanlah tempat untuk menikmati kehidupan semata-mata. Sebaliknya, dunia juga adalah tempat ujian dan menerima pelbagai cubaan sama ada dalam rupa nikmat kesenangan dan kebahagiaan, begitu juga dalam bentuk kesusahan dan kesakitan.

Kitab *Fawā'id al-Balwā wa al-Miḥān* mempunyai penjelasan yang baik mengenai isu teodisi Islam. Pendidikan teodisi Islam dalam kitab ini dapat membimbing para Mukminin dalam menghayati dan mengambil pelbagai iktibar daripada setiap ujian dan bala yang berlaku dalam kehidupan. Para ibu bapa bolehlah menggunakan huraiyan yang didapati dalam kitab ini untuk membuat huraiyan yang berkesan berkenaan konsep keadilan Allah SWT dalam memberi ujian dan cubaan kepada seluruh makhluk-Nya. Apa yang dikhuatiri, sekiranya seseorang itu hanya bergantung kepada akal semata-mata, taklid buta kepada masyarakat sekeliling, menuruti hawa nafsu dan mula melupakan kedudukannya sebagai hamba Allah SWT akan mengakibatkan gejala lemah iman dan bahaya-bahaya akidah lainnya.

PENGHARGAAN

Sekalung penghargaan ditujukan kepada Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) atas pembiayaan geran penyelidikan yang bertajuk: Analisis Dan Terjemahan Kitab *Fawā'id Al-Balwā Wa Al-Miḥān* oleh Al-'Izz Ibn 'Abd Al-Salām (577-660H) Dalam Konteks Pendidikan Teodisi Islam (kod penyelidikan: PPPI/FKP/0121/USIM/13321)

RUJUKAN

Al-Quran al-Karim.

Abdallah Rothman, Adrian Coyle, "Toward a Framework for Islamic Psychology and Psychotherapy: An Islamic Model of the Soul", *Journal of Religion and Health* 57 (2018), 1731–1744.

Panduan Peranan Para Ibu Bapa dalam Pendidikan Teodisi Islam: Beberapa Pedoman daripada Kitab *Fawā'id Al-Balwā Wa Al-Miḥān* oleh Al-'Izz Ibn 'Abd Al-Salām (577-660H)

- Abdallah Rothman, *Developing a Model of Islamic Psychology and Psychotherapy: Islamic Theology and Contemporary Understandings of Psychology*, New York: Routledge, 2021.
- Abdullah Nasih Ulwan, *Pedoman Pendidikan Anak-anak dalam Islam*. Kuala Lumpur: Victory Agencie, 1999.
- 'Abdullāh Nāṣīḥ 'Ulwān, *Tarbiyyah Al-Awlād Fī Al-Islām*, Kaherah: Dār al-Salām, 1996.
- Al-Bayjūrī, Ibrāhīm, *Tuhfah al-Murīd Sharḥ Jawharah al-Tawhīd*, Cairo: Dār al-Salām, 2002.
- Al-Ghazālī, Abū Ḥāmid, *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn*. Beirut: Dār al-Ma'rifah, 1431H.
- H. Salim Bahreisy, *Terjemah Al-Hikam (Pendekatan Abdi pada Khaliq-Nya)*, Surabaya: Penerbit Balai Buku, 1980.
- Hoover, Jon, *Ibn Taymiyya's Theodicy of Perpetual Optimism*, Leiden: Brill, 2007.
- Ibn Kathīr, *Tabaqāt al-Fuqahā' al-Shāfi'iyyīn*, ed. Anwār al-Bāz, Mansoura: Dār al-Wafā', 2004.
- Ibn Kathīr, *Tafsīr al-Qur'ān al-'Azīm*. t.tp.: Dār Ṭayyibah, 1999.
- Ibn Mājah, Muḥammad Ibn Yazīd, *Sunan al-Hāfiẓ Abī 'Abdillāh Muḥammad ibn Yazīd al-Qazwīnī Ibn Mājah*, t.tp.: Maṭba'ah Dār Iḥyā' al-Kutub al-'Arabiyyah, t.t.
- Ibn Manzūr, Muḥammad Ibn Mukarram, *Lisān al-'Arab*, Beirut: Dār Ṣādir, 1300AH.
- Al-Jawziyyah, Ibn Qayyim, *Tuhfah al-Mawdūd bi Aḥkām al-Mawlūd*, ed. 'Abd al-Qādir al-Arnāūt. Damsyik: Maktabah Dār al-Bayān, 1971.
- Al-Kalābādhī, Abū Bakr, *Al-Ta'arruf Li Madhhab Ahl al-Taṣawwuf*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1993.
- Al-Laqqānī, Ibrāhīm, *Hidāyah al-Murīd Li Jawharah al-Tawhīd*, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2012.
- Al-Mālikī, Muḥammad 'Alawī, *Muhammad Ṣallā Allāhu 'Alayhi Wa Sallam al-Insān al-Kāmil*, Beirut: al-Maktabah al-'Aṣriyyah, 2007.
- Al-Maliki, Muhammad Alawy, *Insan Kamil (Muhammad S.A.W.)*, Kuala Lumpur: Victory Agencie, 2020.

- Muhammad Abdul Rauf, *Wanita dan Keluarga Dari Pandangan Islam*, terj. Mahani Che Ibrahim, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1997.
- Muhammad Nūr Ibn ‘Abd Al-Hāfiẓ Suwayd, *Manhaj Al-Tarbiyyah Al-Nabawiyyah Li Al-Tifl: Ma‘a Numāzij Taṭbīqiyah Min Hayāh Al-Salaf Al-Ṣāliḥ Wa Aqwāl Al-‘Ulamā’ Al-‘Āmilīn*. Damsyik: Dār Ibn Kathīr, 1999.
- Muhsin Akbas, *The Problem of Evil and Theodicy in Jewish, Christian, and Islamic Thought*, tesis kedoktoran, University of Wales, Lampeter, 1999.
- Nasrin Rouzati, *Trial and Tribulation in the Qur'an: A Mystical Theodicy*, Berlin: Gerlach Press, 2015.
- Ormsby, Eric, *Theodicy in Islamic Thought: The Dispute over Al Ghazali's Best of All Possible Worlds*, Princeton: Princeton University Press, 1984.
- Parrott, Justin, *When Our Worlds Are Shaken: Finding Strength in 'Beautiful Patience'*. Texas: Yaqeen Institute for Islamic Research, 2020.
- Al-Quḍāḥ, Nūḥ ‘Alī Salmān, *Al-Mukhtaṣar al-Mufid Sharḥ Jawharah al-Tawḥīd*, Amman: Dār al-Rāzī, 1999.
- Al-Qudha, Nuh Ali Salman, *al-Mukhtasar al-Mufid Fi Syarh Jauharah al-Tauhid (Ringkasan Berfaedah dalam Menghuraikan Permata Tauhid)*, Kuantan: Sohabah Setia Enterprise, 2014.
- Al-Qushayrī, Abū al-Qāsim, *Al-Risālah al-Qushayriyyah*, Kaherah: Dār al-Ma’ārif, t.t.
- Al-Rāghib al-Asfahānī, al-Ḥusayn Ibn Muḥammad, *al-Mufrādāt Fī Gharīb al-Qur’ān*, Riyād: Maktabah Nizār Muṣṭafā al-Bāz, 1997.
- Al-Rāzī, Fakhr al-Dīn, *al-Tafsīr al-Kabīr*, Beirut: Dār Ihya’ al-Turāth al-‘Arabī, 2001.
- Al-Sarrāj al-Ṭūsī, Abū Naṣr, *Al-Luma‘*, Kaherah: Dār al-Kutub al-Ḥadīthah, 1960.
- Al-Sharīf al-Jurjānī, ‘Alī Ibn Muḥammad, *Kitab al-Ta‘rifāt*, Beirut: Maktabah Lubnan, 1985.
- Al-Subkī, Tāj al-Dīn ‘Abd al-Wahhāb Ibn ‘Aliyy, *Tabaqāt al-Šāfi‘iyyah al-Kubrā*, Giza: Hajar Li al-Ṭibā’ah wa al-Nashr wa al-Tawzī’, 1413H.
- Al-Sulamī, al-‘Izz ‘Abd al-‘Azīz Ibn ‘Abd al-Salām, *Kitāb al-Fitan wa al-Miḥān wa al-Balāyā wa al-Razāyā aw Fawā’id al-Balwā wa*

Panduan Peranan Para Ibu Bapa dalam Pendidikan Teodisi Islam: Beberapa Pedoman daripada Kitab *Fawā'id Al-Balwā Wa Al-Miḥān* oleh Al-'Izz Ibn 'Abd Al-Salām (577-660H)

al-Miḥān, ed. Iyād Khālid al-Tabbā', Damsyik: Dār al-Fikr, 2016.

Tubanur Yesilhark Ozkan, *A Muslim Response to Evil: Said Nursi on the Theodicy*, London and New York: Routledge, 2015.

Wan Mohd Fazrul Azdi bin Wan Razali, "Pendidikan Teodisi Islam Menerusi Kitab *Fawā'id Al-Balwā Wa Al-Miḥān* oleh Al-'Izz Ibn 'Abd Al-Salam (577-660H)," dalam *Islam & Peranannya dalam Pembangunan Dinamik Masyarakat Menangani COVID-19 Di Malaysia*, ed. Norhayati Rafida Abdul Rahim, Nilai: Penerbit USIM, 2021.

Al-Zuḥailī, Muhammad, *al-'Izz Ibn 'Abd al-Salām: Sultān al-'Ulamā' Wa Bā'i 'al-Mulūk, al-Dā'iyyah, al-Muṣlih, al-Qāḍiyah, al-Faqīh, al-Uṣūlī, al-Mufassir*, Damsyik: Dār al-Fikr, 1992.